

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

**ZCA 101/4 - Fizik I (Mekanik)**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua KUAUH soalan wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.


1. (a) Kedudukan suatu projektil yang berjisim 10 kg dinyatakan dengan:

$$\vec{r} = (30t, 30t - 5t^2, 0)m.$$

Hitungkan bagi projektil tersebut:

- (i) Jaraknya dari tempat **asal** lontaran **pada** masa  $t = 3s$ . (10/100)
- (ii) Halaju lontarannya (iaitu **pada**  $t = 0s$ ). (15/100)
- (iii) Perubahan tenaga kinetiknya dari masa  $t = 0$  ke  $t = 3s$ . (15/100)
- (iv) Ketinggian maksimumnya. (15/100)
- (v) Masa penerbangannya. (15/100)
- (vi) Julat lontarannya. (15/100)
- (vii) Tork yang bertindak padanya sebagai fungsi masa  $t$ . (15/100)


2.



Sebiji peluru yang berjisim  $0.01 \text{ kg}$  dengan kelajuan mendatar  $u = 120 \text{ m/s}$  kena pada sebuah bongkah pegun lalu terbenam dalamnya. Bongkah tersebut berjisim  $1.99 \text{ kg}$  dan ia telah tersambung pada suatu spring ringan yang mempunyai pemalar spring  $k = 18 \text{ N/m}$ . Lantai adalah licin.

- (i) Hitungkan kelajuan mula bagi bongkah (dengan peluru di dalam) selepas “pelanggaran tak-kenyal” dengan peluru tersebut. (15/100)
- (ii) Berapakah peratusan (%) kehilangan tenaga di dalam pelanggaran ini merujuk kepada tenaga mula peluru? (15/100)
- (iii) Huraikan secara ringkas (tanpa formula) tentang gerakan sistem bongkah dan spring selepas peluru terbenam di dalam bongkah. (20/100)
- (iv) Berapakah pemampatan maksimum bagi spring? (15/100)
- (v) Berapakah pecutan maksimum bagi bongkah? (15/100)
- (vi) Dapatkan suatu ungkapan bagi kedudukan (sesaran) bongkah sebagai fungsi masa  $t$ . (20/100)

3. (a)



Suatu zarah yang berjisim  $m_1$  dan berkelajuan  $u$  berlanggar secara kenyal dengan suatu zarah lain yang berjisim  $m_2$  dan berkelajuan  $ku$  ( $k$  = pemalar). Selepas pelanggaran, kedua-dua zarah menganjal dengan kelajuan  $v$  yang sama tetapi ke arah berlawanan.


- (i) Berasaskan keabadian momentum dan tenaga, tunjukkan bahawa

$$\frac{m_1}{m_2} = \frac{3k+1}{k+3}$$

(40/100)

- (ii) Berapakah nisbah kelajuan  $v/u$  (dalam sebutan  $k$ ) (10/100)

(b)



Suatu zarah P yang jisimnya 10 kg diikat dengan dua utas tali **ringan** seperti yang ditunjukkan di dalam rajah. Panjang setiap tali ialah 10 m.

- (i) Hitungkan tegangan  $T_1$  dan  $T_2$ . (20/100)

- (ii) Jika tali BP dipotong, berapakah kelajuan zarah P apabila tali AP menjadi tegak? (15/100)

- (iii) Berapakah tegangan AP pada ketika itu? (15/100)

4. (a) Dua silinder pepejal seragam, setiap satunya berputar di sekitar paksi **pusat** (longitudinal), mempunyai **sama** jisim 1.25 kg dan berputar dengan laju sudut  $235 \text{ rad s}^{-1}$  yang **sama**, tetapi silinder-silinder ini mempunyai jejari-jejari yang berbeza. Cari tenaga kinetik putaran


- (i) silinder terkecil berjejari 0.25m.  
(ii) silinder terbesar berjejari 0.75m.

(40/100)

- (b) Rajah di bawah menunjukkan suatu jasad berpaksi di 0. Tiga **daya** bertindak keatasnya **pada** arah yang ditunjukkan:


$$\begin{aligned} F_A &= 1 \text{ ON pada titik A, } 8.0\text{m dari } 0; \\ F_B &= 16\text{N pada titik B, } 4.0\text{m dari } 0; \\ F_C &= 19\text{N pada titik C, } 3.0\text{m dari } 0. \end{aligned}$$

Cari tork paduan sekitar 0.



(60/100)

5. (a)



Suatu rod nipis seragam berukuran  $0.50\text{m}$  panjang dan jisim  $4.0 \text{ kg}$  boleh berputar dalam satah mengufuk (horizontal) sekitar paksi menegak (vertical) menerusi pusatnya di 0. Rod ini dalam keadaan rehat apabila suatu peluru  $3.0 \text{ g}$  bergerak dalam satah mengufuk rod ditembakkan ke satu hujung rod (lihat rajah). Jika peluru itu tersangkut pada rod dan halaju sudut rod adalah  $10 \text{ rad s}^{-1}$  sebaik saja berlaku pelanggaran, hitungkan laju peluru sebelum impak.


(50/100)

- (b) Suatu sfera lompang mempunyai jejari dalaman  $8.0 \text{ cm}$  dan jejari luaran  $9.0 \text{ cm}$  adalah separuh tenggelam di dalam cecair berketumpatan  $800 \text{ kg m}^{-3}$ .

- (i) Cari jisim sfera ini.  
(ii) Hitungkan ketumpatan bahan sfera ini.

(50/100)

6. (a)



Rajah di atas menunjukkan dua buah sungai A dan B bertemu membentuk sebuah sungai C. Sungai A mempunyai kelebaran 8.0m, dalam 3.5m dan kelajuan arus  $2.5\text{ms}^{-1}$ . Sungai B adalah 7.0m lebar dan 3.0m dalam, dan mengalir dengan kelajuan  $2.5\text{ms}^{-1}$ . Jika lebar Sungai C adalah 10.0m dan kelajuan arusnya adalah  $3.0\text{ms}^{-1}$ , hitungkan kedalaman sungai C.

Nyatakan anggapan yang dibuat.

(30/100)

- (b) Air mengalir dengan kelajuan  $5.0\text{ms}^{-1}$  menerusi sebuah paip yang mempunyai luas keratan **rentas**  $4.0\text{cm}^2$ . Air menurun beransur-ansur 10m tatkala paip itu bertambah luasnya kepada  $8.0\text{cm}^2$ .

(i) Berapakah laju air pada paras bawah?

(ii) Jika tekanan pada paras atas adalah  $1.5 \times 10^5 \text{ Pa}$ , hitungkan tekanan pada paras bawah.

(70/100)